

PENGGODAM KOMPUTER

Siapakah Dia Sebenarnya?



Gajet Canggih

Penggunaan gajet canggih dan berteknologi tinggi semakin mendapat tempat dan popular, bukan sahaja dikalangan orang dewasa tetapi juga dikalangan para remaja dan pelajar. Penggunaan gajet canggih seperti *notebook*, *i-pad*, *tablet* dan *smartphone* semakin diminati ramai bagi kegunaan seharian. Tujuannya sama ada untuk hiburan seperti mendengar muzik, menonton filem, bermain permainan komputer, berbual dengan rakan-rakan dan juga membeli belah secara *on-line*. Penggunaan gajet canggih sebagai alat perhubungan di alam siber ini dikatakan dapat menjimatkan masa dan kos kepada para penggunanya.

Ancaman Siber

Namun, penggunaan gajet-gajet tersebut mengundang pelbagai ancaman siber yang terdedah kepada kita. Ini kerana ianya boleh mendatangkan kesan yang tidak baik dan membahayakan. Ancaman siber seringkali dikaitkan dengan penjenayah siber yang digelar sebagai penggadam komputer atau *hacker*.

Kegiatan atau penglibatan penggadam komputer ini seringkali dapat dilihat di dalam filem-filem *hollywood* yang menunjukkan betapa mahirnya mereka menggunakan gajet-gajet canggih khususnya komputer. Tujuannya bagi mendapatkan maklumat tertentu atau menceroboh sistem keselamatan sesuatu bangunan yang ingin dimasuki bagi mencapai misi. Namun siapakah yang dikatakan sebagai penggadam komputer? Apakah dua jenis penggadam komputer yang patut kita ketahui?

Siapakah Penggadam Komputer?

Secara amnya, penggadam komputer adalah seseorang yang mempunyai kemahiran tinggi dan pengetahuan terperinci dalam bidang komputer. Dia berupaya untuk mengeksploitasi atau menceroboh sistem komputer yang diingini. Aktiviti menggadam komputer selalu dikaitkan dengan perkara yang menyalahi undang-undang kerana ia sering kali dilakukan dengan tujuan yang tidak baik. Namun, tidak semua penggadam komputer adalah penjenayah siber kerana penggadam komputer sebenarnya terbahagi kepada dua jenis iaitu:

● Penggadam Topi Hitam (Black Hat Hacker)

Penggadam komputer ini boleh dikategorikan sebagai penjenayah siber. Dia adalah seseorang yang menggunakan teknologi seperti internet dan komputer untuk tujuan berunsur keganasan, penipuan, mencuri identiti mangsa, mencuri informasi sulit, vandalisme atau untuk melakukan jenayah-jenayah siber yang lain. Penggadam ini lazimnya akan menggunakan kemahiran mereka untuk mengambil alih kawalan ke atas komputer mangsa melalui sebuah rangkaian atau dengan mengeksploitasi perisian (*software cracking*). Sebagai contoh, seseorang yang menggadam komputer orang lain untuk mencuri data peribadi seperti kata kunci (*password*) akaun bank rakan atau orang yang tidak dikenali boleh kita anggap sebagai penggadam topi hitam.

● Penggadam Topi Putih (White Hat Hacker)

Penggadam Topi Putih adalah seseorang yang menggunakan kemahiran dan pengetahuannya untuk mengambil alih kawalan ke atas komputer orang lain. Namun, dia melakukannya bukan untuk tujuan yang jahat atau menyalahgunakan kemahiran mereka seperti penggadam topi hitam. Penggadam kategori ini lazimnya mengambil alih kawalan komputer lain bagi mengetahui kelemahan sistem keselamatan komputer tersebut untuk tujuan meningkatkan atau memperbaharui ciri-ciri keselamatannya. Penggadam topi putih mempunyai etika yang jelas di dalam aktiviti-aktiviti menggadam yang dilakukan mereka. Sebagai contoh, seorang jurutera keselamatan komputer di sesebuah syarikat sentiasa melakukan ujian-ujian keselamatan sistem komputer di syarikat mereka bagi memastikan semua maklumat sulit syarikat berada dalam keadaan selamat.

Kesimpulan

Jadi, tidak salah sebenarnya untuk kita menjadi seorang penggadam yang mahir asalkan niat dan tujuan kita betul dan tidak menyebabkan kesusahan kepada orang lain di sekeliling kita.

Sekiranya anda perlukan sebarang bantuan, sila hubungi Pusat Bantuan Cyber999 melalui emel di cyber999@cybersecurity.my atau hubungi Talian Nur di 15999. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web www.cybersecurity.my dan www.cybersafe.my